

Kerdipan lampu penutup tirai SG50



GEMERLAPAN: Pemasangan lampu interaktif yang diperbuat daripada 2,000 lampu LED di sekitar kawasan Clarke Quay ini akan membolehkan orang ramai menghantar pesanan SG50 mereka. – Foto PHILIPS

SEBUAH pameran pemasangan lampu unik dan interaktif dalam bentuk Singapura telah dihasilkan dengan kerjasama syarikat Philips, Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) dan Universiti Nasional Singapura (NUS), sebagai salah satu acara menutup tirai sambutan SG50.

Dikenali sebagai SonicSG, ia diperbuat daripada 2,000 lampu LED Philips yang berintensiti tinggi dan penuh warna.

Ia membolehkan pengunjung 'berinteraksi' dengan lampu yang digabungkan itu melalui pesanan peribadi sambutan SG50 yang dihantar melalui telefon bimbit mereka.

Pesanan tersebut kemudian akan diter-

jemahan dalam bentuk piksel cahaya berwarna-warni dan ia akan menyala dengan lebih terang serta bunyian nada yang harmoni apabila ia menerima lebih banyak pesanan daripada orang ramai.

Pemasangan lampu tersebut telah diilhamkan, direka dan dibina oleh fakulti, penyelidik dan pelajar daripada SUTD dengan kerjasama NUS.

"SonicSG menyediakan satu pengalaman pelbagai deria yang menarik dengan menggunakan teknologi canggih.

"Melalui pameran pemasangan lampu interaktif ini, kami berharap dapat menyentuh hati rakyat, menghubungkan mereka dan menyumbang sesuatu yang sangat istimewa untuk sambutan SG50 Singapura," kata Profesor Thomas Schro-

epfer daripada SUTD yang mengetuai projek itu.

Orang ramai boleh menghantar pesanan SG50 dengan melunsi *sonic.sg* dan memasukkan poskod kediaman mereka berserta pesanan khas atau impian mereka bagi Singapura.

SonicSG kini terapan di sepanjang 'Belly of the Carp' – satu bahagian Sungai Singapura yang terletak di hadapan bangunan UOB Plaza – mulai hari ini hingga 10 Januari 2016.

Pemasangan lampu itu akan menambah kepada suasana perayaan di sekitar kawasan Clarke Quay dan menawarkan pengunjung pengalaman istimewa bagi merayakan detik bersejarah sambutan SG50.

Summary:

With SG50 coming to a close, Philips, Singapore University of Technology and Design (SUTD) and the National University of Singapore (NUS) have collaborated to bring to Singaporeans, the first large-scale interactive light installation in the shape of the Singapore island, which will bring to life the public's well-wishes for the nation.

Named SonicSG, the installation uses more than 2,000 Philips high-intensity full-colour LED light and was conceptualised, designed and built by faculty, researchers and students from SUTD in collaboration with NUS. SonicSG provides an engaging multi-sensory experience using cutting-edge technology. Through this poetic and interactive light and sound installation, we hope to touch people's

hearts, connect them, and contribute something very special to Singapore's SG50 year of celebrations," said Professor Schroepfer.

To send an SG50 message, the public can visit sonic.sg, enter their residential postal code along with a special message or their dream for Singapore. Once they have submitted a message, the portion of the installation that corresponds to their postal code will light up, accompanied by a melodious ring from their mobile device.

SonicSG is now floating along the "Belly of the Carp", a section of the Singapore River located in front of UOB Plaza, from today to 10 January 2016. This installation will add to the festive atmosphere of the Clarke Quay area and offer visitors a one-of-a-kind experience as we celebrate the historic moments of SG50.